

TEKS UCAPAN

**YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS APRESIASI KEMAS
TAHUN 2017**

**DEWAN SERI LESTARI,
ARAS B1, KKLW**

**13 MAC 2017 (ISNIN)
WAKTU KETIBAAN : 2.45 PETANG**

SALUTASI

1. Alhamdulillah, dengan izin Allah S.W.T. serta dengan Inayah-Nya dapat kita bersama-sama berada pada majlis ini. Terima kasih diucapkan kepada pihak KEMAS yang menjemput saya ke Majlis Hari Apresiasi KEMAS Tahun 2017 pada petang ini.

2. Saya juga ingin merakamkan penghargaan '**Tahniah**' kepada KEMAS di atas kejayaan penganjuran Majlis Apresiasi ini yang merupakan **platform untuk memberi pengiktirafan** kepada warga KEMAS yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang khususnya ke arah pencapaian dasar jabatan.

3. Semoga ianya dapat dijadikan penyuntik semangat kepada semua warga kerja KEMAS untuk terus maju dalam meningkatkan kualiti kerja bagi memastikan visi, misi dan matlamat jabatan tercapai.

MEMBANDARKAN LUAR BANDAR SEBAGAI AGENDA TRANSFORMASI KKLW

4. Agenda Tranformasi, 'Membandarkan Luar Bandar' yang telah dilancarkan adalah berpaksikan kepada **keperluan dan kehendak rakyat** di samping memastikan proses pembangunan luar bandar berada pada landasan yang betul.

5. Pelaksanaan transformasi berkenaan telah dirangka untuk tempoh **lima (5) tahun** bermula tahun 2016 dengan penumpuan kepada 6 fokus utama iaitu:
 - i. Prasarana
 - ii. Pembangunan Belia
 - iii. Ekonomi
 - iv. Keusahawanan
 - v. Modal insan
 - vi. Sistem Penyampaian

6. KEMAS telah dipertanggungjawabkan di bawah **fokus 5** iaitu '**pembangunan modal insan**' untuk merancang penambahbaikan silibus pembelajaran Tabika KEMAS Berprestasi Tinggi (TBT).

1. Transformasi Pendidikan Pra Sekolah di bawah Fokus 5 iaitu Modal Insan

- Dengan tumpuan kepada transformasi Tabika Berprestasi Tinggi (TBT) sebagai 'pilihan utama Ibu Bapa', nilai tambah **tiga (3) modul** silibus pembelajaran iaitu:

1.1 Penghayatan Pendidikan Islam (PPI)

1.2 Pemupukan Semangat Patriotik

1.3 Modul Meningkatkan Keyakinan Diri

7. Transformasi ini dapat melahirkan generasi yang cemerlang pada masa akan datang dalam aspek akademik dan juga sahsiah diri.

8. Selain itu, peratusan peningkatan Tabika yang lebih kondusif dan selesa untuk kanak-kanak belajar juga sedang giat dilaksanakan melalui peruntukan KEMAS dan juga konsep CSR bersama beberapa GLC sebagai 'Tabika Angkat'.

9. Saya juga telah meminta pihak KEMAS untuk membuat kajian berhubung cadangan bagi melanjutkan masa Tabika beroperasi sehingga jam 5 petang bagi memberi kemudahan kepada ibu bapa bekerja yang memerlukan penjagaan sehingga petang. Jika ianya bersesuaian, pelaksanaan boleh di buat pada tahun hadapan.

10. Kebolehpayaan peratusan kanak-kanak Tabika KEMAS menguasai **elemen 4 M** iaitu Membaca, Menulis, Mengira serta Menaakul (berfikir) perlu dipertingkatkan supaya mereka boleh bersaing bila memasuki alam persekolahan sebenar.

2. Transformasi Pendidikan Kemahiran di bawah fokus Ekonomi dan Modal Insan.

11. Program Pendidikan Kemahiran juga merupakan 'elemen yang penting' khususnya bagi meningkatkan taraf ekonomi masyarakat luar bandar.

12. Dengan tumpuan kepada kursus berbentuk '**QUICK WIN**' dan impak segera kepada golongan sasaran dalam 5 bidang kemahiran iaitu:

1. Masakan
2. Jahitan
3. Dandanannya diri
4. Seni Tangan
5. Komputer

13. Kursus dan pemberian '**Kit Peralatan**' kepada peserta yang mengikuti kursus **QUICK WIN** ini, diharapkan supaya mereka dapat memanfaatkan pengetahuan, kemahiran dan alat yang dimiliki untuk menjana pendapatan tambahan atau sebagai asas mereka memulakan bidang perniagaan kecil-kecilan.

14. Saya berharap agar pihak KEMAS dapat terus **memantau dan membimbing mereka** untuk terus maju dan berjaya dalam bidang yang diceburi.

TAHUN 2017 SEBAGAI YEAR OF DELIVERY

15. Tahun 2017 juga telah diisytiharkan oleh YAB Perdana Menteri sebagai **Tahun Penyampaian (Year Of Delivery)**. Bermaksud semua warga perkhidmatan awam mesti melaksanakan projek, program, perkhidmatan dan langkah-langkah yang telah ditentukan untuk kesejahteraan rakyat.

16. Dalam hal ini, saya ingin menyeru supaya semua warga kerja KEMAS agar fokus kepada '**perancangan atau takwim pelaksanaan program dan KPI**' yang telah ditetapkan untuk dicapai. Antara yang perlu diberi penekanan adalah:

- i. Perkhidmatan yang disediakan untuk rakyat perlu mengikut jadual dan sekiranya ia lambat atau ada kekangan, halangan, masalah atau koordinasi, ia perlu diselesaikan dengan segera.

- ii. Jangan bergerak secara *silo* kerana ia tidak menguntungkan dari segi sumber yang ada dan juga capaian kepada golongan sasaran.

PERANAN ANGGOTA KEMAS

17. Apa yang kita semua sedia maklum, tanggungjawab KEMAS sangat besar. Bukan sahaja di dalam melaksanakan aktiviti Formal dan Non Formal, KEMAS juga berperanan bagi memastikan kerajaan sedia ada pada hari ini (*Government Of The Day*) kekal memerintah.

18. Ambang PRU 14 semakin hampir. Oleh yang demikian, jentera KEMAS mesti sentiasa berada di dalam "***Election Mode***".

19. Sehubungan itu, gerak kerja **Jentera KEMAS perlu dipertingkatkan lagi ke tahap yang maksimum**. Antara perkara yang perlu di beri perhatian utama ialah :

a) **Kajian Sikap**

- i. Perlu diselaraskan dengan tepat mengikut tatacara yang telah disediakan.
- ii. Dikongsi bersama dengan jentera UMNO di peringkat Bahagian.
- iii. Dilaporkan secara berkala kepada pucuk pimpinan bagi mendapatkan status tahap sokongan rakyat.

b) **Isu-Isu Semasa**

- i. Anggota KEMAS perlu memperjelaskan kepada rakyat luar bandar agar tidak mudah dikelirukan oleh pihak pembangkang.
- ii. Penjelasan dasar-dasar kerajaan bukan sahaja perlu di buat melalui kaedah tradisional tetapi boleh di buat melalui kaedah moden iaitu *Smart phone* seperti Whatsapp, Telegram, Facebook, Instagram dan sebagainya.
- iii. Seperti contoh Isu Pemberian BR1M, Isu 1MDB, Isu Forex Bank Negara 1992 dan sebagainya.

GERAK KERJA KEMAS

20. Program-program kemasyarakatan berskala kecil perlu dipertingkatkan sebagai **'platform pendampingan dengan pengundi dan berkempen'** agar mereka terus menyokong kerajaan sedia ada bagi memastikan kesinambungan agenda pembangunan negara.

21. Misi untuk mengekalkan Kerajaan Barisan Nasional adalah sangat penting demi **'survival'** Melayu dan Bumiputera. Perkara ini amat penting dan perlu dipertahankan seperti mana yang telah termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu Perkara 3 dan Perkara 153.

22. Sehubungan itu, kerusi Melayu & Bumiputera di kawasan luar bandar sebanyak **'132 kerusi' perlu dipertahankan.**

23. Adalah menjadi tanggungjawab warga KEMAS untuk mengeluarkan 'Pengundi Luar Bandar' serta memastikan mereka memberi sokongan yang padu kepada BN.

24. Saya menyarankan kepada semua anggota KEMAS, **laksanakanlah tugas anda dengan cemerlang. Amalkan budaya kerja berprestasi tinggi dan tingkatkan kualiti penyampaian** kepada masyarakat selaras dengan aspirasi KEMAS sebagai **'Nadi Pembangunan dan Perubahan Masyarakat Luar Bandar'**.

25. Anggota KEMAS perlu mempunyai semangat juang yang tinggi serta menjiwai **'Roh Perjuangan'** seperti kakitangan KEMAS di era 60-70an. Anda harus menjadi 'Aktivis' bagi masyarakat luar bandar dan sentiasa mendampingi mereka agar sokongan kepada kerajaan sedia ada tidak berbelah bahagi.

26. Jadikanlah pengiktirafan ini sebagai satu platform yang memberi motivasi kepada semua anggota KEMAS untuk **menabur budi kepada masyarakat** keseluruhannya.

27. Pasti cabaran dan dugaan akan bertambah hebat lagi pada masa-masa mendatang. PRU 14 akan berlaku pada bila-bila masa sahaja, sudah tentu ianya akan menuntut komitmen dan semangat juang yang tinggi di kalangan anggota KEMAS.

PENUTUP

28. Bagi mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi **tahniah dan syabas kepada semua penerima Anugerah Apresiasi KEMAS Tahun 2017 dan jawatankuasa yang terlibat** dalam menjayakan majlis ini. Semoga kita semua mendapat rahmat dan keberkatan daripadanya.

Sekian, Wabillahitawfiq wal hidayah, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.